

07 OCT 1998

Ling-Pelabuhan

DR MAHATHIR Pengerusikan Dialog Guna Pelabuhan Tempatan

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan satu dialog mengenai penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan untuk menjadikan mereka, terutama Pelabuhan Klang, sebagai pusat muatan yang berjaya.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata dialog itu akan membabitkan wakil-wakil penghantar muatan, syarikat pengangkutan, pengimport, pengeksport dan pihak-pihak lain dalam industri pengangkutan.

Tarikh dialog itu akan ditetapkan kemudian, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kabinet, di sini.

Dr Ling berkata usaha untuk menjadikan pelabuhan tempatan sebagai pusat muatan tidak harus dipertanggungjawabkan kepada kementerian semata-mata dan pegawai pelabuhan masing-masing juga harus membantu kerajaan dalam memasarkan pelabuhan mereka.

Beliau berkata sekiranya Pelabuhan Klang boleh dijadikan sebagai sebuah pusat muatan, semua kapal utama akan singgah di sana.

Beliau berkata dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini pemindahan kargo di Pelabuhan Klang telah meningkat manakala import menurun.

"Ia sesuatu yang sangat menggalakkan, yang bererti rakyat Malaysia kini menggunakan Pelabuhan Klang sebagai sebuah pusat pemindahan. Kargo dari Chittagong, Madras dan Belawan juga kini datang ke sini," katanya.

-- BERNAMA

NY AKD